

**PENENTUAN KADAR *KIFĀYAH* DAN *MA'RŪF*
NAFKAH ANAK DAN ISTERI: KAJIAN
TERHADAP PENGHAKIMAN MAHKAMAH
SYARIAH**

**Determination of *Kifāyah* (Adequateness) and *Ma'rūf*
(Goodness) for Maintenance for The Wife and Child: An
Analysis of The Judgement of The Shariah Courts**

**Raihanah Azahari¹
Bahiyah Ahmad²
Asmak Ab Rahman³**

ABSTRACT

In Islam, it is very important to the judges to determine the amount of maintenance for the wife and child that is in line with the meaning of kifayah and makruf. This article aims to study cases decided by the judges at the Malaysian Syariah court relating to maintenance for the wife and children. The study attempts to examine the factors considered by the judges in determining the amount of maintenance for the wife and child in

¹ Associate Professor, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, raihan@um.edu.my.

² SLAI Fellow, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, bahiyah_api@um.edu.my.

³ Senior Lecturer, Department of Syariah and Economics, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, asmak@um.edu.my.

order to comply with the meaning of kifāyah and ma'rūf. Data were collected from the cases issued by the Shariah Court in Malaysia. This research found that the judges consider several factors in determining the rate of nafkah for the wife and child based on their own judgment. Consequently, in the long run, it will differentiate the judgement made by the judges from one case to another according to their individual experience. Among the factors take into consideration by the judges are: ability of the maintenance provider, financial need by the plaintiff, i.e., ex wife and child, essential expenses and the socio economic status of the wife.

Keywords: *Maintenance for wife and child, rate of kifāyah and ma'rūf, Shariah Court Judgement.*

PENDAHULUAN

Islam menetapkan pemberian nafkah isteri dan anak hendaklah berasaskan kadar *kifāyah* (mencukupi) dan *ma'rūf* (baik). Ketika Hindun isteri Abu Sufyan mengadu kepada Nabi SAW tentang suaminya yang bakhil sehingga tidak memberikan kepadanya dan anaknya nafkah, lalu Nabi SAW bersabda, yang bermaksud: “*Ambillah apa-apa yang mencukupi (kifāyah) buatmu dan anak-anakmu dengan cara yang baik (ma'rūf).*” Berdasarkan hadis ini, *jumhūr* ulama berpendapat bahawa jika suami gagal atau enggan untuk memberikan nafkah, isteri berhak mengambil apa yang cukup untuk dirinya dan juga anak-anaknya secara *kifāyah* (cukup) dan *ma'rūf* (baik) walau pun tanpa pengetahuan suami. Walau bagaimanapun apa yang cukup dan *ma'rūf* tidak dibincangkan dan diputuskan oleh para fuqaha dengan jelas. Tidak dinyatakan berapakah kadar atau ukuran *kifāyah* dan *ma'rūf* tersebut. Ini kerana kecukupan dan kemakrufan kadar nafkah isteri dan anak sangat bergantung kepada amalan masyarakat zaman tersebut.

Peruntukan undang-undang keluarga Islam di Malaysia⁴ mengenai penaksiran nafkah isteri dan anak pula menjelaskan bahawa "pada menentukan jumlah sesuatu nafkah yang hendak dibayar, Mahkamah hendaklah mengasaskan penaksirannya **terutama sekali atas kemampuan (suami) dan keperluan pihak-pihak itu** (isteri dan anak-anak) dengan mengira kadar nafkah itu **berbanding pendapatan orang yang terhadapnya perintah**

⁴ Lihat Seksyen 61, di bawah tajuk ‘Pentaksiran Nafkah’, Akta 303, Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan, 1984.

dibuat". Peruntukan ini juga terlalu umum dan tidak menjelaskan apakah yang dimaksudkan dengan kemampuan suami dan keperluan pihak-pihak iaitu isteri dan anak. Hakim dalam membuat keputusan atas tuntutan nafkah isteri dan anak, menimbang pelbagai faktor mengikut budi bicaranya sendiri untuk menetapkan kadar nafkah isteri dan anak.⁵ Ini seringkali membezakan antara satu kes dengan kes yang lain seiring bertambahnya pengalaman dalam pengamatan hakim tersebut.

Peruntukan yang terlalu umum, ketidak-jelasan mengenai pertimbangan faktor-faktor yang digunapakai oleh hakim menyebabkan pentaksiran *kifāyah* dan *ma'rūf* sukar untuk direalisasikan. Dalam kes *Faridah Daud & seorang lagi melawan Mohd Firdaus Abdullah @ Jettle Francis*,⁶ Hakim telah memutuskan kadar nafkah anak yang dituntut sebanyak RM150 seorang tanpa memberikan sebarang alasan penghakiman mengapa kadar tersebut ditentukan. Manakala Jawatankuasa Rayuan dalam kes tuntutan nafkah *Hayati binti Othman lwn Ayob b. Zainal*,⁷ (Kes ini diputuskan pada tahun 1990, dirayu dan diulang bicara pada tahun yang sama) mengulas bahawa ia adalah kes yang sangat mendukacitakan, kerana alasan penghakiman yang tidak lengkap, ringkas dan tidak mencatatkan keperluan pihak-pihak secara terperinci. Tiada sokongan dokumen atau saksi-saksi. Tiada penganalisan mengenai kemampuan pihak yang kena tuntutan seperti pekerjaan dan tanggungannya. Ia menyebabkan kes ini sangat wajar untuk diulang bicara, demi masa depan pihak-pihak yang terlibat iaitu isteri dan anak-anak.⁸

Oleh yang demikian, adalah menjadi satu keperluan untuk mengenalpasti apakah yang dimaksudkan sebagai *kifāyah* dan *ma'rūf* dalam penentuan kadar nafkah isteri dan anak. Dalam konteks ini pandangan dan huraian para fuqaha mengenai *kifāyah* dan *ma'rūf* haruslah diteliti dan dikaji. Bagi mendapatkan satu kesimpulan yang sesuai diaplikasi di Malaysia, maka rujukan perlu dibuat terhadap keadaan ekonomi semasa dan realiti masyarakat pada masa kini disamping mengambilkira keputusan-keputusan yang pernah dibuat oleh hakim-hakim Mahkamah Syariah.

⁵ Zaharah Jaafar, 'Penetapan Kadar Nafkah Isteri: Satu Kajian di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan,' (Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2005), 193; Lihat juga Raihanah Abdullah, 'Peruntukan Kewangan bagi Wanita Islam dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam, Wilayah Persekutuan, 1984,' *Jurnal Syariah* 1/2 (1993): 209-222; Lihat juga Taslima Monsoor and Raihanah Abdullah, 2010, 'Maintenance to Muslim Women in Bangladesh and Malaysia: Is the Judiciary doing Enough?', *The Dhaka University Law Journal* (Dhaka University Studies - Part F), 21/2 (2010): 39-58.

⁶ *Jurnal Hukum* (2002), 25-46 .

⁷ *Jurnal Hukum* (1990-1991), 246-250.

⁸ *Jurnal Hukum* (1990-1991), 246-250.

Dengan latarbelakang di atas, berbangkit beberapa persoalan mengenai kadar *kifāyah* dan *ma'rūf* ini iaitu apakah yang dimaksudkan sebagai *kifāyah* dan *ma'rūf* dalam penetapan nafkah isteri dan anak?. Turut timbul persoalan lain, apakah asas yang digunapakai hakim-hakim Mahkamah Syariah dalam memutuskan kes-kes mengenai permohonan kadar nafkah isteri dan anak bagi memenuhi maksud *kifāyah* dan *ma'rūf*?

Objektif penulisan artikel ini adalah untuk menjelaskan maksud *kifāyah* dan *ma'rūf* nafkah isteri dan anak menurut fuqaha. Selain itu, ia juga bagi mengenalpasti apakah asas yang digunapakai oleh para hakim mahkamah-mahkamah syariah di Malaysia dalam memutuskan kes-kes permohonan nafkah bagi memenuhi maksud *kifāyah* dan *ma'rūf* nafkah isteri dan anak.

Data-data kajian dikumpulkan melalui kaedah dokumentasi. Selain dari menggunakan buku-buku, jurnal dan kertas kerja, kes-kes dalam penulisan ini dirujuk kepada jurnal hukum yang diterbitkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan juga dari fail-fail kes yang tidak dilaporkan.

PANDANGAN FUQAHA MENGENAI *KIFĀYAH* DAN *MA'RŪF*

Dalam penulisan fiqh klasik, fuqaha mempunyai penafsiran yang berbeza mengenai *kifāyah* nafkah. Musilī menghuraikan bahawa *kifāyah* tidak diukur dengan *dirham* ataupun *dinar* (dengan nilai mata wang), tetapi berapa sahaja kadar yang cukup untuk isteri tersebut.⁹ Ini juga dipersetujui oleh Syekh Nazzām dan beberapa ulama lain dalam *al-Fatāwā al-Hindiyyah*.¹⁰ Tetapi, ada yang mentakrifkan *kifāyah* sebagai sesuatu yang boleh dihitung dalam bentuk *dirham* dan ditunaikan dengan kadar tertentu pada setiap bulan.¹¹

Dalam menghurai pengertian *ma'rūf*, fuqaha *Shāfi'iyah* berpendapat bahawa nafkah isteri perlu ditetapkan dengan kadar tertentu, kerana *ma'rūf* tanpa kadar tertentu akan membawa kepada persoalan yang berpanjangan.¹² Justeru fuqaha Mazhab *Shāfi'ī*,¹³ menetapkan kadar nafkah yang perlu

⁹ 'Abd Allāh bin Maḥmūd bin Maudūd al-Mūsilī al-Ḥanafī, *al-Ikhtiyār li Ta'līl al-Mukhtār* (Beirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 4 vols, 2nd., 1426/2005), 4.

¹⁰ Al-Nazzām *et.al*, *al-Fatāwā al-Hindiyyah fī Madhhab Imām Abī Ḥanifah* (n.p: Dār al- Fikr, 4 vols., 1411H/1991M), 237.

¹¹ Ibrāhīm bin Abī al-Yaman Muḥammad al-Ḥanafī, *Lisān al-Ḥukkam fī Ma'rifah al-Aḥkām* (Kaherah: al-Bāb al-Ḥalabī, 1 vols., 1393H/1973M), 355.

¹² Al-Māwardī, *al-Hawī fī Fiqh al-Shāfi'īyy* (Beirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 11 Vols., 1414H/1994M), 425.

¹³ Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi'ī Abū 'Abd Allāh, *al-Umm* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 5 Vols., 1393H/1973M), 88-89; Ibrāhīm bin 'Alī bin Yūsuf al-Shīrāzī Abū Ishāq, *al-Muhadhdhab fī al-Fiqh Imām al-Shāfi'ī* (Beirūt: Dār al-Fikr, 2 Vols., n.d.), 161-162; Al-Nawāwī, *al-Majmū'* (Beirūt: Dār al-Fikr, 18 Vols., n.d.), 250.

diberikan oleh suami yang kaya kepada isterinya ialah 2 *mud* (1 cupak) bagi setiap hari. Bagi suami yang miskin 1 *mud* dan bagi suami yang sederhana ialah 1½ *mud*; iaitu sepertimana hukum dalam pembayaran *kaffarah*. Fuqaha Mālikīyyah dan Ibn Qudamah sebaliknya mentakrifkan *ma'rūf* pada nafkah isteri adalah dengan tidak menetapkan kadar, tetapi berpandukan kepada *kifāyah* (kecukupan) isteri. Menurut mereka mewajibkan sesuatu yang mengurangi *kifāyah* adalah meninggalkan perbuatan *ma'rūf* dan sekiranya memenuhi tuntutan *kifāyah* walaupun kurang daripada 1 *mud*, maka ianya tetap termasuk dalam perbuatan *ma'rūf* yang dituntut oleh al-Qur'an dan al-Sunnah.¹⁴ Kalangan fuqaha Shāfi'ī yang lain seperti Muṣṭafā al-Khīn, Muṣṭafā al-Bughā dan 'Alī al-Sharbajī menjelaskan bahawa kadar kecukupan/*kifāyah* mestilah berdasarkan pandangan dan amalan masyarakat setempat dan semasa kadar itu ditentukan.¹⁵

Wahbah al-Zuhaylī (1989) bersetuju dengan pandangan fuqaha al-Shāfi'ī bahawa asas dalam penentuan kadar nafkah ialah dengan melihat keadaan suami tetapi tidak mempersetujui penggunaan *kaffarah* sebagai *qiyās* kepada kadar nafkah isteri. Perbincangannya mengenai nafkah anak pula menyatakan semua ulama mazhab telah bersepakat bahawa penentuan kadar nafkah anak berdasarkan *kifāyah*nya atau kecukupannya.

Berdasarkan pandangan para sarjana Islam silam dan semasa dapat dirumuskan bahawa kadar nafkah yang dianjurkan berdasarkan beberapa kretaria sebagaimana yang tertera pada rajah 1.


ASAS-ASAS DALAM PENETAPAN KADAR *KIFĀYAH* DAN *MA'RŪF* NAFKAH ISTERI DAN ANAK: RUJUKAN KEPADA PENGHAKIMAN KES-KES NAFKAH DI MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA

Terdapat beberapa faktor yang diambil kira oleh para hakim Mahkamah Syariah dalam memutuskan kes berkaitan tuntutan nafkah isteri dan anak. Berdasarkan kes-kes yang dirujuk, berikut ialah faktor-faktor yang selalunya menjadi pertimbangan para hakim dalam menentukan kadar *ma'rūf* dan *kifāyah* nafkah isteri dan anak:-

¹⁴ 'Abd Allāh bin Aḥmad Ibn Qudāmah, *al-Mughnī fī Fiqh al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal* (Beirūt: Dār al-Fikr, 9 Vols., 1st., 1404H/1984M), 231.

¹⁵ Muṣṭafā al-Khīn, Muṣṭafā al-Bughā & 'Alī al-Sharbajī, *al-Fiqh al-Manhajī* (Damsyiq: Maṭba'ah al-Ṣabah, 4 Vols., 2005), 359.

Rajah 1: Pandangan Para Fuqaha Tentang Penentuan Kadar *Kifāyah* Nafkah dan *Ma' ruf* Serta Aplikasinya di Malaysia



1- Kemampuan Pemberi Nafkah Dan Keperluan Pihak-Pihak

Kemampuan pembiaya nafkah dan keperluan pihak-pihak menuntut menjadi elemen yang sangat penting bagi hakim-hakim dalam mempertimbangkan permohonan nafkah samada nafkah isteri atau anak. Perayu (bapa) dalam kes *Mohd Hassan bin M. Ghazali dan Siti Sharidza Mohd Sidque*¹⁶ telah mengemukakan rayuan kerana tidak berpuashati di atas keputusan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu pada 8hb /7/2003 yang menolak rayuannya atas keputusan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Pasir Mas pada 21/4/2002 yang menjatuhkan hukuman membayar nafkah kepada 3 orang anak ke atasnya sebanyak RM1,000.00 sebulan. Kes ini ialah kes rayuan ubah perintah nafkah anak terhadap bapa atas alasan kemampuan bapa tidak dibuktikan semasa keputusan dibuat.

Isteri dalam kes ini telah memohon nafkah anak di Mahkamah Rendah Syariah Pasir Mas dan diputuskan nafkah bagi tiga orang anak yang berumur 4, 7 dan 9 tahun sebanyak RM1100. Keputusan ini telah dirayu kepada Mahkamah Tinggi Syariah atas alasan bahawa aspek kemampuan bapa tidak dibuktikan dalam menentukan kadar yang diperintahkan. Mahkamah Tinggi Syariah telah membuat keputusan mengekalkan keputusan Mahkamah Rendah Syariah (MRS) tanpa kehadiran perayu dan memerintahkan pembayaran kos sebanyak RM2000. Perayu telah membuat rayuan ke Mahkamah Rayuan Syariah Kota Bharu dan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah (HMRYs) Kota Bharu telah menerima rayuan perayu dan membatalkan keputusan yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah (MTS) Kota Bharu dan Hakim Mahkamah Rendah Syariah (MRS) Kota Bharu. Hakim MRYs telah memutuskan bahawa bapa hendaklah membayar nafkah anak RM700 sebulan (RM300 sebulan untuk anak pertama dan RM200 untuk anak kedua dan RM200 untuk anak ketiga) sehingga kanak-kanak itu akil baligh dan dapat berdikari atau berkahwin atau apa-apa perintah lain, memandangkan mereka masih kecil dan difikirkan berpatutan serta cukup untuk keperluan pada ketika itu dan kerana nafkah anak boleh dipohon untuk ditambahkan apabila umur anak meningkat dan keperluan anak bertambah.

Begitu juga sebaliknya jika orang yang diperintah membayar nafkah itu berlaku keatasnya perubahan tentang hal keadaan seperti kesempitan hidup dan sebagainya. Hakim MRYs menjelaskan bahawa ketiga-tiga anak berada di bawah jagaan ibunya Siti Sharidza memerlukan pengawasan, penjagaan dan

¹⁶ *Jurnal Hukum XVIII/II* (2004), 269-277. Rujuk juga kes *Wan Roozihayati Wan Mohd Jonid dan Zorkifli Che Othman* Kes Mal bil 992/1997 kes yang tidak dilaporkan.

pemakanan serta pakaian yang secukupnya yang mana ini semua memerlukan perbelanjaan dan nafkah yang wajib dibiayai dan ditanggung oleh bapa mereka. Hakim dalam kes ini jelas telah melihat kepada kemampuan pemberi nafkah iaitu bapa dan keperluan pihak-pihak penerima iaitu anak-anak dalam menentukan kadar nafkah. Namun demikian, apakah yang dimaksudkan sebagai kemampuan pemberi nafkah tidak dinyatakan secara jelas dalam penghakiman ini. Begitu pun, Yang Arif Hakim telah menjelaskan bahawa aspek pengawasan, penjagaan dan pemakanan serta pakaian yang secukupnya menjadi pertimbangan kenapa kadar sedemikian diputuskan.

2- Kemampuan Pemberi Nafkah (Suami/Bapa)

Meskipun dalam memutuskan kadar nafkah yang berhak diterima oleh isteri dan anak, hakim melihat kepada kemampuan dan keperluan pihak-pihak, tetapi dalam banyak hal pertimbangan yang serius diberi kepada aspek kemampuan suami atau bapa. Ia merangkumi jumlah pendapatan bulannya, perbelanjaannya sama ada perbelanjaan wajib mahu pun keperluan hariannya, jumlah tanggungannya dan apa juga yang berkaitan dengan kewangan si suami/ bapa.

Dalam kes *Zainab Abdullah dan Zainuddin Haji*¹⁷ plaintif telah memohon nafkah isteri sebanyak RM200 sebulan dan nafkah anak sebanyak RM350 sebulan. Pasangan ini mempunyai 3 orang anak yang berumur yang antara 12 hingga 16 tahun. Dalam kes ini defendan telah mengabaikan nafkah semenjak tahun 1995 dan ini menyebabkan plaintif terpaksa bekerja untuk menanggung kehidupan. Hakim kemudiannya telah menolak tuntutan plaintif dan berpuashati bahawa kadar RM200 sebulan nafkah isteri yang diperolehi daripada hasil sewa rumah adalah mencukupi. Defendan bekerja sebagai pemandu teksi yang hanya berpendapatan sekitar RM374 sebulan dan mempunyai seorang lagi isteri selain plaintif. Walaupun keperluan sebenar plaintif adalah melebihi RM300 sebulan namun mahkamah tidak dapat meluluskan permohonan plaintif berdasarkan kemampuan defendan yang sangat terbatas.

Hal yang sama juga boleh dilihat dalam kes *Norzaini Alias lawan Mohamad Sharif Mohamad Taib*.¹⁸ Y.A.A Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan juga telah merujuk kepada kemampuan bapa dalam memutuskan

¹⁷ (Kes Mal bil 104/1997 MRSWP). Kes yang tidak dilaporkan.

¹⁸ *Jurnal Hukum* XV1 Bhg 11 (2003), 101 – 116. Rujuk juga kes *Hj Ghazali lwn Asmah*, *Jurnal Hukum* (1985), 55 kes *Wan Azmi lwn Nik Salwani* 1 *Jurnal Hukum* (2)(1977), 81 dan kes *Rasnah Arifin lwn Shafri Khalid* (Kes Mal No.03-125/2000) Mahkamah Rendah Syariah Butterworth, Pulau Pinang.

perintah nafkah terhadap anaknya. Fakta kes ini menjelaskan bahawa plaintif dan defendan telah berkahwin pada 10/4/87 dan bercerai pada 21/8/1989. Plaintif telah memohon nafkah anak sebanyak RM200 sebulan dan tunggakan nafkah anak yang tidak dibayar sebanyak RM31,000 dari defendan selaku bapa yang sah. Plaintif mendakwa defendan telah gagal memberikan nafkah kepada anaknya sejak dari dalam kandungan sehingga anak itu berumur 13 tahun. Ketika memutuskan kes ini hakim telah merujuk kepada firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 223, surah al-Talaq ayat 7 dan hadis Hindun isteri kepada Abū Sufyan serta seksyen 72 (1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam N.Sembilan yang memperuntukan: "Kecuali jika sesuatu perjanjian atau sesuatu perintah mahkamah memperuntukan selainnya, maka adalah menjadi kewajipan seseorang lelaki menanggung nafkah anaknya, samada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain, samada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan dan pelajaran sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya".

Y.A.A seterusnya menjelaskan bahawa ukuran untuk menentukan kadar nafkah anak mengikut seksyen tersebut adalah ukuran munasabah berdasarkan kemampuan dan taraf kehidupan bapa. Dengan lain perkataan jika bapa seorang miskin/sederhana, maka kadar yang boleh dituntut hendaklah meliputi makan minum, pakaian, tempat tinggal, persekolahan dan perubatan yang sekadar sahaja kecualilah bapa itu seorang yang kaya. Menurut Y.A.A Hakim MTS dalam kes ini plaintif tidak mengemukakan sebarang bukti tentang kemampuan Defendan (bapa). Yang ada hanya plaintif menyatakan bahawa defendan seorang pencen tentera dan mempunyai sebuah rumah dan ada pekerjaan baru. Oleh yang demikian mahkamah hanya akan memutuskan setakat apa yang diakui oleh defendan. Dalam kes ini defendan menjelaskan yang dia telah pencen dari perkhidmatan tentera pada tahun 2001 dengan hanya mendapat pampasan sebanyak RM20,000 dan buat masa sekarang wang pampasan tersebut masih berbaki RM15,000 dan selepas pencen sehingga April tahun 2002 bekerja sebagai Pengawal Keselamatan dengan pendapatan RM600 sebulan. Defendan telah berhenti kerja selepas April 2002 dan sekarang sedang mencari kerja. Dalam situasi defendan sekarang di mana beliau mempunyai seorang isteri dan 3 orang anak dan termasuk seorang anak dengan plaintif yang menjadikannya semuanya 4 orang dan kesemuanya masih kecil adalah tidak wajar defendan berhenti bekerja. Dengan beliau berhenti bekerja semasa kes sedang berjalan memberikan tohmahan terhadap defendan bahawa dia cuba beralih. Bahkan defendan dalam keadaan ini mengikut pandangan syarak wajib bekerja. Oleh yang demikian mahkamah berpendapat tuntutan plaintif terhadap nafkah anaknya adalah munasabah dan wajar diluluskan.

Meskipun meluluskan tuntutan plaintif terhadap nafkah anaknya mahkamah bagaimanapun menolak tuntutan plaintif terhadap tunggakan nafkah anak tersebut dengan alasan yang plaintif telah berjanji semasa memohon perceraian, bahawa beliau tidak akan menuntut apa-apa termasuklah nafkah anak. Walaupun menjelaskan bahawa mahkamah berhak mengubah perjanjian yang dibuat terdahulu berkenaan dengan perintah nafkah anak, namun Y.A.A Hakim MTS telah mengekalkan perjanjian yang telah dibuat sebelumnya.

3- Keperluan Isteri dan Anak

Kes *Seri Utama Dewi Kasman dan Abu Bakar bin Abdullah*¹⁹ ialah kes rayuan mal bagi tuntutan nafkah isteri dan anak yang difailkan oleh perayu (Dewi). Responden dan perayu telah bernikah pada 16hb Disember 2002 di Majlis Agama Islam Wilayah Songkhla Thailand dan pernikahan tersebut telah disahkan serta dibenarkan pendaftarannya oleh MRS, WP bertarikh 26 Julai 2005. Hasil perkahwinan mereka telah dikurniakan anak bernama Salahuddin Ashraf Abu Bakr. Perayu sebelum ini telah memfailkan permohonan nafkah isteri dan anak di Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, tuntutan perayu telah ditolak atas alasan perayu tidak menyatakan berapakah jumlah tuntutan (RM2550 bagi nafkah diri dan RM500 bagi nafkah anak) yang perayu menuntut untuk nafkah dirinya dan asas-asas pengiraan atau jumlah tuntutan itu dibuat. Perayu telah memfailkan rayuan ke MTSWP berhubung keputusan kedua-dua kes tersebut. Hakim MRyS telah membenarkan rayuan perayu dan berdasarkan keperluan asas bagi nafkah perayu dan anaknya. Hakim memerintahkan responden membayar nafkah isteri sebanyak RM700 sebulan mulai April 2005 sehingga ada perintah lain dibuat. Responden juga diperintahkan membayar nafkah anak sebanyak RM300 sebulan mulai April 2005 sehingga ada perintah lain. Hakim MRyS memutuskan bahawa Hakim Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan telah terkhilaf apabila tidak mengambil kira faktor beban dan tanggungan yang ditanggung oleh perayu sebelum mengeluarkan perintah tersebut. Hakim MRyS juga menjelaskan bahawa Hakim MRS telah terkhilaf apabila menyatakan fakta dan tuntutan perayu berkaitan keperluan, kebajikan dan pendidikan anak adalah tidak munasabah dan menyusahkan diri.

Hakim Mahkamah Rayuan berhujah bahawa perayu telah menyenaraikan tanggungannya dan juga keperluan anak tersebut. Hakim Rayuan bersetuju bahawa sebahagian dari tanggungan yang dinyatakan bukanlah keperluan

¹⁹ *Jurnal Hukum* 30 Bhg 1, (1431/2010), 111. Rujuk juga kes *Khatija A/P Yusoff dan Shaik Abdul Kadir bin Kadar Bacha* (kes Mal 695/1997 MRSWP, kes yang tidak dilaporkan).

utama bagi nafkah isteri dan anak. Begitu pun, mahkamah berpendapat bahawa kegagalan perayu untuk memperincikan perbelanjaan sebenar nafkah dengan mengemukakan bukti-bukti berhubung dengan perbelanjaan perayu dan anak bukanlah satu halangan kepada mahkamah untuk menetapkan bayaran nafkah yang sewajarnya. Yang Arif Hakim Mahkamah Rayuan Syariah juga berpendapat bahawa Yang Arif Hakim MRS WP juga telah terkhilaf dalam penghakimannya apabila tidak mengambil kira bayaran telefon, Astro dan kereta sebagai merangkumi keperluan sampingan tempat tinggal yang patut dibayar oleh responden (bapa) sebagai nafkah diri perayu (isteri/ibu). YA Hakim MRyS juga berpendapat Hakim MRS telah terkhilaf apabila tidak mengambil salinan slip gaji responden sebagai bukti dan *qarinah* yang jelas kepada kemampuan responden. Dua salinan slip gaji responden adalah bukti kemampuan responden dan bukti kepada keterangan perayu bahawa responden masih bekerja ditempat yang sama. Dalam konteks ini Hakim MRyS berkata Hakim MRS telah terkhilaf kerana tidak menggunakan budi bicara untuk menentukan jumlah nafkah anak yang munasabah dan/atau layak diberikan kepada perayu (isteri), sebaliknya terus menolak rayuan perayu.

Terdapat dua isu yang diulas oleh hakim dalam mempertimbangkan rayuan perayu. Pertama, samada Hakim MRS telah mengambilkira kecuaihan dan kegagalan responden untuk menyediakan nafkah isteri dan keduanya samada Hakim MRS telah mengambilkira tentang keperluan nafkah isteri dan anak. Dalam isu pertama Hakim MRyS mendapati bahawa Yang Arif Hakim MRS telah gagal mengambilkira kegagalan responden selaku bapa dan suami untuk menyediakan nafkah kepada anak dan isterinya. Manakala dalam isu kedua, Tuan Hakim MRS telah menyatakan perayu tidak menyatakan berapakah jumlah tuntutan yang perayu menuntut untuk nafkah dirinya dan asas-asas pengiraan atau jumlah tuntutan itu dibuat. Hakim MRyS dalam rujukannya kepada rekod-rekod rayuan mendapati bahawa perayu telah menyenaraikan tanggungan perayu dan juga keperluan anak tersebut. Mahkamah Rayuan bersetuju dengan alasan hakim bicara berkenaan dengan sebahagian daripada tanggungan yang dinyatakan bukanlah merupakan keperluan utama bagi nafkah isteri dan anak. Meskipun begitu mahkamah berpendapat bahawa kegagalan perayu untuk memperincikan perbelanjaan sebenar nafkah dengan mengemukakan bukti-bukti berhubung dengan perbelanjaan perayu dan anak bukanlah satu halangan daripada mahkamah untuk menetapkan bayaran nafkah yang sewajarnya. Dalam hal ini Hakim MRyS berpendapat mahkamah (Hakim MRS) telah gagal menggunakan *ijtihadnya* bagi menentukan kadar nafkah yang selayaknya berdasarkan keperluan perayu serta anak dan kemampuan responden.

Bagi menentukan kadar nafkah yang munasabah, mahkamah telah merujuk kepada seksyen 61 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 yang memperuntukkan:

“Pada menentukan jumlah sesuatu nafkah yang hendak dibayar, Mahkamah hendaklah mengasaskan penaksirannya terutama sekali atas kemampuan dan keperluan pihak-pihak itu dengan mengira kadar nafkah itu berbanding dengan pendapatan orang yang terhadapnya perintah itu dibuat”.

Berdasarkan bukti-bukti yang dikemukakan oleh perayu, mahkamah mendapati bahawa responden adalah seorang yang mempunyai pendapatan tetap dan pendapatan kasar sebanyak RM4000 dan setelah ditolak potongan EPF, SOCSO dan PCB maka gaji bersih responden ialah sebanyak RM3471.25. Berdasarkan jumlah ini mahkamah berpendapat bahawa pendapatan responden adalah sederhana. Oleh itu dengan mengambilkira keperluan asas bagi nafkah perayu dan anaknya mahkamah berpendapat bahawa nafkah yang selayaknya bagi perayu adalah lebih kurang 20% dari gaji bersih responden manakala untuk anak adalah lebih kurang sebanyak 10%. Oleh yang demikian setelah digenapkan mahkamah berpendapat bahawa nafkah diri perayu ialah sebanyak RM700 sebulan manakala nafkah anak adalah sebanyak RM300 sebulan. Mahkamah juga berpendapat bahawa nafkah yang tidak ditunaikan sebelum ini adalah menjadi hutang ke atas responden dan ia wajib ditunaikan.

Secara jelasnya kes ini menunjukkan bahawa hakim telah melihat keperluan pihak-pihak iaitu isteri dan anak adalah faktor yang perlu dipertimbangkan dalam menentukan nafkah yang wajib dibayar oleh suami, sehinggakan dalam keadaan di mana isteri tidak memperincikan keperluannya hakim hendaklah menggunakan budi bicaranya untuk menentukan kadar yang sepatutnya dibayar.

4- Perbelanjaan yang Mengikut Keperluan dan Keutamaan

Plaintif dalam kes *Rohana Zakaria dan Mokhtar Abdul Talib*,²⁰ telah menuntut perubahan terhadap nafkah yang telah diperintahkan oleh mahkamah dalam tuntutan hadanah dan nafkah anak yang telah dibicarakan sebelum ini kerana kos perbelanjaan anak-anak telah meningkat dan memerlukan penambahan. Plaintif telah memperincikan keperluan kepada perbelanjaan yang dikeluarkan yang merangkumi belanja poket sehari, keperluan sekolah, rawatan perubatan, kelas kafa, buku tambahan sekolah, makan dan minum, pembayaran tambang sekolah, pembayaran penjagaan anak-anak, makanan ringan dan pengajian al-

²⁰ *Jurnal Hukum* 27 Bhg II (1430/2009), 279-301.

Quran yang berjumlah RM681. Mahkamah telah memutuskan bahawa terdapat perubahan dalam keperluan perbelanjaan nafkah anak-anak dan memutuskan defendan (bapa) membayar nafkah 2 orang anak sebanyak RM300 sebulan, perbelanjaan awal sekolah anak-anak RM400 dan perbelanjaan dan persiapan hari raya RM400 setiap tahun. Hakim menjelaskan bahawa mahkamah berpuas hati mengenai ketidakmampuan defendan (bapa) untuk menanggung penambahan nafkah yang diminta oleh plaintif. Oleh yang demikian mahkamah perlu merujuk pula kepada perbelanjaan-perbelanjaan yang menjadi keperluan kepada anak-anak tersebut. Dengan demikian mahkamah menolak tuntutan plaintif terhadap perbelanjaan rawatan perubatan sebanyak RM50 sebulan kerana plaintif tidak menunjukkan secara jelas apakah perbelanjaan itu sesuatu yang perlu pada setiap bulan dan juga tidak pernah dibuktikan bahawa anak tersebut menghidap penyakit yang serius sehingga memerlukan perbelanjaan pada setiap bulan. Mahkamah juga menolak permohonan plaintif untuk perbelanjaan pembelian *jajan* (makanan ringan) sebanyak RM50 sebulan kerana sangsi terhadap keperluannya.

5- Kelas Sosial Isteri Serta Kelas Sosial Suami dan Isteri (mengikut kelaziman dan adat sesuatu tempat)

Dalam kes *Nor Bee lwn Ahmad Sanusi*²¹ pihak menuntut telah membuat tuntutan nafkah iddah terhadap Sanusi (bekas suaminya) sebanyak RM450 sebulan untuk tempoh selama 3 bulan, muta'ah sebanyak RM9000 dan harta sepencarian RM5000. Hakim dalam membuat keputusan telah menjelaskan bahawa kadar nafkah iddah yang berhak ke atas isteri selama tempoh si isteri menjalani iddah diukur mengikut *kedudukan atas nisbah kaya, miskin dan pertengahan*. Pemakanan mengikut ikhtiar adat kebiasaan. Bagi kelaziman orang Melayu makan hariannya ialah dua kali ringan dan dua kali berat. Untuk empat kali makan bagi peringkat pertengahan diperlukan tidak kurang dari RM6.00. Dalam hal ini hakim nampaknya telah mempertimbangkan kadar nafkah isteri menurut kelas sosial masyarakatnya dengan memutuskan bahawa suami dikehendaki membayar nafkah iddah pada kadar RM6.00 sehari selama 87 hari berjumlah RM522.

Begitu juga YA Hakim MTS Pulau Pinang ketika memutuskan kes *Hafizah Indra bt Abdullah dan Jamaluddin Bin Eusoff*²², telah merujuk kepada kelas sosial suami dan isteri bagi menentukan kadar nafkah iddah yang sepatutnya diterima oleh isteri. Fakta kes menunjukkan bahawa plaintif dan defendan telah berkahwin pada tahun 1984 dan telah bercerai pada tahun 2001. Plaintif telah

²¹ *Jurnal Hukum* (1981), 67.


²² *Jurnal Hukum* XX11/1 (2006), 47.

memohon nafkah iddah sebanyak RM3000 untuk selama tempoh iddah yang dijalani. YA Hakim dalam penghujahannya menyebut bahawa nafkah iddah termasuk dalam tafsiran nafkah menurut seksyen 59 dan nas syarak iaitu ayat 7 surah al-Talaq yang bermaksud "hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya". Dan hadis Nabi SAW dalam Sahih Muslim, bab haji yang bermaksud "Mereka (isteri kamu) berhak mendapat belanja dari kamu dan pakaian dengan cara yang *ma'rūf*". Plaintif memohon RM3000 selama iddah iaitu pada pandangannya itulah yang dibelanjakan selama kehidupan suami isteri dulu yang termasuk apa-apa keperluan diri plaintif, makanan, pakaian, alat solek dan perkara yang beliau perlukan semasa hidup sebagai suami isteri. Mahkamah menilai berdasarkan taraf kehidupan pasangan yang berpendapatan sederhana dan oleh yang demikian nafkah iddah yang terhak atas isteri juga adalah dalam kadar sederhana untuk menjaga kebajikan isteri yang dicerai yang tidak mempunyai tempat untuk bergantung nafkah bagi dirinya.

KESIMPULAN

Berdasarkan kaedah fiqh لا يترك تغير الأحكام بتغير الأزمان (*Tidak diingkari perubahan hukum dengan sebab berlakunya perubahan masa*) boleh dijadikan asas dalam penilaian komponen penentuan kadar *kifāyah* dan *ma'rūf* nafkah anak dan isteri yang sesuai diaplikasi dalam konteks semasa. Ini kerana مقاصد الشريعة (objektif syariah) adalah bertujuan menjaga lima perkara utama iaitu akal, agama, nyawa, harta dan keturunan. Sekiranya hakim menetapkan kadar nafkah yang perlu diberi oleh suami kepada isteri dan anak-anak tanpa mengambil kira objektif syariah, dikhuatiri ia boleh membawa kepada kemudharatan kepada akal, agama, nyawa, harta dan keturunan keluarganya. Contohnya untuk menjaga nyawa seseorang perlu mendapat makanan yang mencukupi untuk kelangsungan hidup. Sekiranya nafkah yang diberi terlalu sedikit dan tidak mencukupi untuk perbelanjaan makanan yang berkhasiat maka ia akan menjejaskan kesihatan isteri dan anak yang boleh membawa kepada pengabaian penjagaan nyawa untuk tempoh yang panjang. Dengan demikian, dalam menentukan kadar nafkah yang mengambil kira kemampuan suami dan keperluan isteri dan anak, perlulah melihat kepada realiti semasa apakah yang dimaksudkan keperluan isteri dan anak-anak. Ini kerana, pemberian nafkah tanpa mengambil kira kesemua faktor tersebut tidak mencapai *maqāsid* pemberian nafkah. Pada hakikatnya keperluan isteri dan anak-anak boleh dibahagikan kepada tiga keperluan utama iaitu :

Rajah 2: Hierarki Keperluan Isteri dan Anak



Jika dilihat kepada keperluan *Ḍarūriyyat* yang merupakan keperluan asas kepada kelangsungan kehidupan, maka suami perlu memberikan nafkah berdasarkan keperluan *Ḍarūriyyat* tersebut. Sekiranya pemberian nafkah tidak dapat memenuhi keperluan *Ḍarūriyyat* isteri dan anak-anak, ini akan menyebabkan isteri terpaksa mencari sumber rezekinya sendiri. Dalam kes di mana isteri mendapat hak penjagaan anak-anak dan suami pula memberikan nafkah pada kadar yang sangat minima sehingga tidak dapat memenuhi keperluan *Ḍarūriyyat* anak-anak, maka suami telah meletakkan anak-anak dalam keadaan yang bahaya kerana anak-anak mungkin akan terjebak dengan gejala sosial seperti mencuri, mengemis dan sebagainya bagi mendapat wang untuk memenuhi keperluan hidup mereka. Contohnya jika seorang suami perlu memberikan nafkah kepada tiga orang anaknya maka perkara yang perlu diambil kira adalah seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Kadar Nafkah yang Mengambil Kira Keperluan *Darūriyyat*

Perkara	Kadar bayaran (RM)	Jumlah sebulan (RM)
Makanan	RM 5 X 30 hari X 3 orang	450.00
Tempat Tinggal	Sewa rumah	500.00
Pendidikan		
• Yuran (tahunan)	• RM 20	
• Duit belanja sekolah	• RM 1 X 20 hari X 3 orang	200.00
• Bas sekolah	• RM 40 X 3 orang	
Bil air dan elektrik		50.00
JUMLAH NAFKAH SEBULAN		1200.00

Oleh itu bagi suami yang berpendapatan tinggi, maka mereka perlu melunaskan kadar nafkah kepada isteri dan anak-anak mengikut kadar yang telah ditetapkan. Manakala bagi kes di mana suami berpendapatan rendah dan benar-benar tidak mampu menyediakan kadar nafkah sebanyak yang diperlukan untuk memenuhi *darūriyyat* isteri dan anak-anak maka tanggungjawab tersebut tidak boleh dilepaskan begitu sahaja. Dalam hal ini suami perlu berusaha secara lebih kuat untuk menampung keperluan tersebut dan mungkin satu mekanisme perlu dilakukan oleh pemerintah dengan memperuntukkan bahagian dari baitulmal sebagai satu dana yang khusus untuk membantu pemberian nafkah kepada anak-anak yang tidak mendapat nafkah yang sewajarnya dari bapa mereka. Ia secara langsung dapat membantu kelangsungan hidup anak-anak yang tidak mendapat cukup nafkah, mengelakkan isteri-isteri terjebak dengan pekerjaan yang haram seterusnya mengelakkan anak-anak terjebak dengan aktiviti-aktiviti yang tidak sihat.

RUJUKAN

‘Abd Allah bin Aḥmad Ibn Qudāmah al-Muqaddasi Abū Muḥammad, *al-Mughnī fī Fiqh al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal* (Beirūt: Dār al-Fikr, 9 vols., 1st, 1404H/1984M).

- ‘Abd Allah bin Maḥmud bin Maudud al-Musili al-Ḥanafī, *al-Ikhtiyār li ta’lil al-Mukhtār* (Beirūt: Dār al-Kutūb al-‘Ilmiyyah, 4 vols., 2nd, 1426H/2005M).
- ‘Alī bin Sulaimān al-Mardawī Abū al-Ḥasan, *al-Inṣaf fī Ma’rifat al-Rājiḥ min al-Khilāf ‘alā Mazhab al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal*, dalam Muḥammad Ḥamid al-Faqī (ed.) (Beirūt: Dār al-Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 9 vols., n.d.).
- Aḥmad bin Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal* dalam Shu’ayb *et al* (eds.) (n.p.: Mu’assasah al-Risālah, 40 vols., 1999).
- Aḥmad bin Shu’aib Abū ‘Abd al-Rahman al-Nasa’ī, *‘al-Mujtaba min al-Sunan’*, dalam ‘Abd al-Fattah Abū Ghuddah (ed.), *Kitāb Adāb al-Qādī* (n.p.: Maktabah al-Matbu’at al-Islamiyyah, 8 vols., 2nd, 1986).
- Akta 303, Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984.
- Al-Mawardi (1994M/1414H), *al-Hawī fī Fiqh al-Shāfi’iyy*. j.11, (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah).
- Ibrahīm bin Abī al-Yaman Muḥammad al-Hanafī, *Lisān al-Ḥukkam fī Ma’rifah al- Aḥkām*, (Kaherah: al-Bābi al-Ḥalabī, 1973M/1393H).
- Ibrahīm bin ‘Aliyy bin Yūsuf al-Shirazī Abū Ishaq, *al-Muhadḥhab fī al-Fiqh Imām al-Shāfi’ī* (Beirūt: Dār al-Fikr, 2 vols., n.d.).
- Khurasyī’, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad, *al-Syarḥ al-Khurasyī ‘alā Mukhtaṣar Sīdī Khalīl wa bihamishihi Ḥāsiyah al-Syeikh ‘Alī āl-‘Adawī* (n.p: Dār al-Fikr, 13 vols., n.d)
- Maznah Mohamad, ‘Di mana Berlaku Diskriminasi dalam Undang-undang Keluarga Islam’, dalam Abdul Monir Yaacob (ed.) *Undang-Undang Keluarga Islam dan Wanita di Negara- Negara Asean* (Kuala Lumpur: IKIM, 2nd, 2002).
- Mek Wok Mahmud & Sayed Sikandar Shah Haneef, ‘The Problem of the Divorce Among Muslim in Malaysia: Addressing Its Epistemological Dimension’, Kertas Kerja International Family Law Conference di Hotel Crown Princess, Kuala Lumpur, 16-17 Januari, 2007.
- Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi’ī Abū ‘Abdullah, *al-Umm* (Beirūt: Dār al-Ma’rifah, 5 vols., 1393H/1973M).
- Muḥammad bin Ismā’il Abū ‘Abdullah al-Bukharī, *al-Jami’ al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar, ‘Kitāb al-Nafaqat’*, Muṣṭafā Dib al-Bughā (eds.), (Beirūt: Dār Ibn Kathīr, 2 vols., 2nd, 1987).
- Muḥammad Ibn ‘Irfah al-Dusūqī, *Ḥāshiyah al-Dusūqī ‘alā al-Syarḥ al-Kabīr*, (n.p: Dār al-Fikr, 10 vols., n.d).

- Muṣṭafā al-Khin, Muṣṭafā al-Bughā & ‘Alī al-Sharbajī, *al-Fiqh al-Manhaji* (Damsyiq: Maṭba’ah al-Ṣabah, 4 vols., 1st, 1987).
- Nazzām *et.al*, *al-Fatāwā al-Hindiyyah fī Madhhab Imām Abī Ḥanifah* (n.p: Dār al- Fikr, 4 vols., 1411H/1991M).
- Nik Noraini Nik Badli Shah, *Undang-Undang Keluarga: Nafkah dan Hak-Hak Kewangan Lain* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1994).
- Noor Aziah Hj Mohd Awal, ‘Nafkah Anak: Kedudukannya di sisi Undang-Undang di Malaysia’, dalam Abdul Monir Yaacob & Siti Shamsiah Md Supi (eds.), *Manual Undang-Undang Keluarga Islam* (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2006).
- Nurhidayah Muhamad Hashim, ‘Failure to Provide Maintenance for the Wife & Children: Is there Justice for Women in Malaysia’s Syariah Court?’, dalam 5th Asian Law Institute Conference (ASLI), Singapura (Koleksi Malaysiana, Universiti Malaya, 2008).
- Suwaid Tapah, ‘Nafkah Isteri’, dalam Abdul Monir Yaacob & Siti Shamsiah Md Supi (eds.), *Manual Undang-Undang Keluarga Islam* (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2006).
- Syed Arabi Idid, *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002).
- Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islamī wa Adillatuhu* (Damshiq: Dār al-Fikr, 10 vols., 4th, 1989).
- Zaharah Jaafar, ‘Penetapan Kadar Nafkah Isteri: Satu Kajian di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan,’ (Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005).